



# **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

## **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:  
Percukaian Dalam Islam**

**Tarikh Dibaca:**

**5 REJAB 1444H/  
27 JANUARI 2023M**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



**PERCUKAIAN DALAM ISLAM**  
**27 JANUARI 2023 / 28 JAMADILAWAL 1444H**

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

انْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ<sup>1</sup> (41)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual atau menggunakan telefon. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita tidak mendapat sebarang bahagian pun manfaat daripadanya. Rasulullah SAW telah mengingatkan kita:

<sup>1</sup> Surah al-Taubah ayat 41

وَمَنْ لَغَا فَلَيْسَ لَهُ فِي جُمُعَتِهِ تِلْكَ شَيْءٌ

**Maksudnya:** “Dan sesiapa yang melakukan sesuatu yang lagha, dia tidak mendapat bahagian daripada Jumaatnya itu”. (Hadis riwayat Abu Daud)

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Percukaian Dalam Islam**”.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkar. Kita telah pun memasuki Bulan Rejab dan lebih kurang 54 hari sahaja lagi akan tibanya Ramadhan al-Mubarak. Maka marilah kita gigih meningkatkan amal ibadah dan sentiasa bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT. Mudah-mudahan kita semua termasuk dalam kalangan hamba-Nya yang diredhai dan diberkati.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dalam Islam, istilah cukai lebih sinonim dengan lafaz *al-kharaj* yang membawa maksud cukai, perolehan, perolehan yang diambil daripada harta atau pendapatan seseorang, pendapatan harta awam, sewaan, perolehan daripada orang perseorangan atau tanah dan juga membawa maksud kadar-kadar tertentu yang dikenakan. Pada asalnya, sebahagian besar konsep *al-kharaj* merujuk kepada cukai tanah dan akhirnya diguna pakai sehingga membawa kepada kewujudan jenis-jenis cukai yang lain dalam Islam.

Cukai dapat dikelaskan kepada tiga bahagian iaitu,

**Bahagian pertama;** cukai yang telah disyariatkan oleh Islam ke atas umatnya iaitu disebut *zakat*.

**Bahagian kedua,** cukai dari kategori *al-fai'* yang dikenakan ke atas golongan bukan Islam yang menetap di bawah pemerintahan Islam. Dari *al-fai'* ini pula ia dipecahkan kepada tiga jenis lain lagi iaitu *al-kharaj*, *al-jizyah* dan *al-'usyur*.

**Bahagian ketiga** pula ialah cukai dari kategori *al-khumus* yang terdiri daripada *al-ghanimah*, *al-rikaz* dan harta daripada lautan dan sungai.

Pensyariatatan cukai dikategorikan kepada dua pandangan iaitu pandangan golongan yang cenderung untuk menolak pelaksanaan cukai seperti Ibn Muflih dan al-Hijawi dari Mazhab Hanbali, Ibn al-Azraq dan Ibn Hajar al-Haithami dan ulama lain. Golongan kedua yang mengharuskannya pula terdiri daripada ulama seperti Ibn Hazm, Ibn Taimiyah, al-Syatibi, juga ulama-ulama terkini seperti Syaikh Mahmud Syaltut dan Syaikh Ahmad al-Raysuni yang bersetuju kerajaan diberi kebenaran untuk mengenakan cukai kepada rakyat sekadar untuk membantu memenuhi tuntutan masalah umum dalam pentadbiran sesebuah negara. Keharusan ini juga diambil kira atas dasar bahawa cukai merupakan salah satu tanggungjawab sosial yang mesti dilakukan selain membayar zakat sebagaimana persoalan yang dibangkitkan kepada Ibnu Umar berkaitan tanggungjawab terhadap harta.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Hukum pelaksanaan cukai perlu dilihat kepada keadaan sesebuah negara apatah lagi wujudnya perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha bagi menetapkan hukum pelaksanaan cukai. Setiap pandangan yang dikemukakan mempunyai sebab dan alasan yang kukuh sama ada yang menolak mahupun yang menerima pelaksanaannya dengan melihatkan kepada keadaan dan keperluan semasa ekonomi yang dihadapi oleh setiap individu dan juga negara. Maka pandangan-pandangan ini wajar dijadikan panduan agar kita lebih berlapang dada dan melihat sesuatu dasar itu dengan lebih tuntas.

Perlembagaan negara kita juga menjunjung tinggi Islam sebagai agama rasmi persekutuan yang pastinya menjadikan hukum-hakam syariah sebagai sumber perundangan negara dengan rujukan dari al-Quran dan al-Sunnah, ijma' dan qias.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Sejarah juga telah membuktikan bahawa sistem percukaian merupakan antara medium ekonomi yang penting dalam menjana kelangsungan pendapatan sesebuah negara. Ia bukanlah sebuah amalan baharu dalam negara ini bahkan sistem-sistem percukaian ini telah wujud sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka pada kurun yang ke-15 lagi. Pada ketika itu, telah wujud perundangan yang berkait dengan struktur percukaian dan ditadbir oleh Penghulu Bendahari dibantu oleh Shahbandar yang berfungsi menguatkuasakan peraturan bagi perihal perkastaman dan percukaian, khususnya di kawasan pelabuhan.

Merentasi zaman, fungsi dan peranan Shahbandar kini telah dimainkan secara signifikan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang bertindak selaku agensi pemungut cukai, sekaligus menjadi antara penyumbang hasil terbesar buat negara. Justeru, khutbah pada hari ini ingin menzahirkan apresiasi kepada **Jabatan Kastam Diraja Malaysia bersempena dengan Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-41** yang disambut pada tanggal 26 Januari setiap tahun. Semoga setiap tanggungjawab yang telah diamanahkan, dapat dilaksanakan dengan penuh integriti dalam menjamin kestabilan dan kesejahteraan negara terutama dari sudut ekonomi dan akhirnya akan menatijahkan kebaikan buat seluruh rakyat. Khatib juga ingin mengajak seluruh masyarakat agar bersama-sama memberikan komitmen sebaik mungkin untuk membangunkan dan menjana ekonomi negara dalam memacu pertumbuhan positif ke arah kemakmuran negara.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas ayat 77:

وَأَتَّبِعْ فِي مَآءَاتِكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ۗ

**Maksudnya:** “Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu, tetapi janganlah kamu lupakan bahagianmu di dunia dan berbuatlah baik (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi. Sesungguhnya, Allah tidak menyukai orang yang membuat kerosakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
 الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Khatib juga ingin menyeru kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya kekal bersatu padu atas dasar Islam. Sesungguhnya persaudaraan Islam itu sangat mahal harganya dan sentiasa menjadi sasaran para musuh Islam untuk menghancurkannya. Hentikanlah segala percakaran dan tinggalkanlah segala perselisihan kerana ia hanya merugikan agama, bangsa dan negara. Walau apa jua perbezaan yang ada, Islam menuntut kepada kesatuan ummah dan bukan alasan untuk saling bermusuhan.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
 سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
 وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
 وَأَرْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
 التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَأَرْضِ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بَدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا  
 مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكِ بَكِينِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اِكْوَعِ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى  
 بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكِ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اِكْوَعِ، تُونَكُو  
 حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ  
 الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا  
 أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْأِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
 بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ  
 إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang

bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ

اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.